

11 NOV 1999

Abdullah-kempen

JANGAN GUNA KEMPEN SEBAR KEBENCIAN, KATA ABDULLAH

GENTING HIGHLANDS, 11 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta semua parti politik supaya tidak menjadikan kempen pilihan raya untuk menyebarkan kebencian.

Timbalan Perdana Menteri berkata perbuatan itu merugikan negara kerana rakyat lebih menghargai pandangan pemimpin politik mengenai apa yang akan diusahakan oleh parti mereka untuk kesejahteraan rakyat dan masa depan negara.

"Kita tak mahu rakyat mengundi kerana mereka didorong dengan perasaan kebencian atau prejudis," katanya kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen Anxi sedunia keempat di Hotel Genting di sini.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata parti-parti politik tidak harus menyebarkan kebencian antara rakyat dan kerajaan atau antara pemimpin sesama pemimpin.

"Memadailah kita cakap apa yang kita nak buat, itu yang rakyat mahu, bukan kita tunjuk bagaimana pandai kita maki orang lain," katanya.

Beliau berkata pihak berkuasa akan mengawasi perjalanan kempen pilihan raya bagi menjamin ketenteraman awam dan kelancaran pilihan raya.

Abdullah berkata, kempen politik bukan kempen untuk menandingi siapa yang pandai memaki hamun dan parti-parti politik tidak keterlaluan dalam berkempen.

"Rakyat Malaysia sudah lama ada pengalaman menghadapi pilihan raya, saya percaya kebijaksanaan rakyat akan menjadi penentu kejayaan mana-mana parti yang bertanding dalam pilihan raya," katanya.

Beliau juga berharap parti-parti politik tidak menggunakan penceramah dari luar negara untuk membantu dalam kempen pilihan raya.

Abdullah, yang juga pengerusi manifesto BN, berkata draf pertama manifesto itu sudah disiapkan dan beliau akan berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mendapatkan pandangannya.

"Selepas ini kita akan berbincang lagi di kalangan ketua-ketua parti (komponen) supaya kita benar-benar dapat memahami dan memberi sumbangan kepada manifesto itu," katanya.

Manifesto BN itu, katanya, ada hubungkait dengan komitmen BN meneruskan perjuangannya untuk perpaduan rakyat serta kemajuan dan pembangunan negara, yang sudah menjadi tradisi BN.

"Slogan untuk manifesto itu sudah ada dan ia akan diumumkan bersama manifesto itu pada masa yang sesuai nanti," katanya.

-- BERNAMA

AFY MAI